

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT
(MESYUARAT KHAS)
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL PERTAMA

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 12 JANUARI 2009, PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 1

**ATURAN URUSAN MESYUARAT
DAN USUL-USUL**

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan:

“BAHAWA Israel telah melancarkan serangan ketenteraan yang dinamakan Operasi ‘Cast Lead’ pada 27 Disember 2008 ke atas Wilayah Palestin di Gaza meliputi pengeboman dari udara dan diikuti dengan serangan oleh pasukan tentera darat pada 3 Januari 2009;

“BAHAWA serangan Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza merupakan tindakan yang mencabuli undang-undang antarabangsa, undang-undang Hak Asasi Manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa, Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta merupakan jenayah perang yang menyalahi Konvensyen Keempat Geneva 1949 Perlindungan orang-orang awam dalam masa perang;

“BAHAWA rakyat Malaysia berpegang teguh kepada pendirian bahawa tiada alasan bagi penggunaan kekerasan yang dilakukan secara tidak seimbang, sembarangan dan melampau ke atas Wilayah Palestin di Gaza dan dengan itu menolak tindakan hukuman kolektif yang dikenakan ke atas rakyat Palestin di Gaza; dan

“BAHAWA rakyat Malaysia sangat dukacita dan kesal dengan ketidakmampuan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, untuk menghentikan serta-merta keganasan negara Israel yang dilakukan ke atas Wilayah Palestin di Gaza.

DENGAN INI Dewan ini mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengecam sekeras-kerasnya serangan ketenteraan Israel ke atas Wilayah Palestin di Gaza sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat awam Palestin, termasuk golongan wanita, kanak-kanak termasuk bayi dan warga tua dan menggesa pengunduran menyeluruh Israel dari Wilayah Palestin di Gaza;
- (2) Menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membuat ketetapan supaya Israel menghentikan serta-merta serangan ketenteraannya ke atas Wilayah Palestin di Gaza melalui gencatan senjata dan memutuskan untuk menempatkan pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menguatkuasakan gencatan senjata tersebut;
- (3) Menggesa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengadakan Sesi Tergempar Khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu -‘Uniting For Peace’- di bawah Resolusi 377A(V) sekiranya pelaksanaan ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu gagal

menguatkuasakan ketetapannya yang diputuskan pada 8 Januari 2009;

- (4) Menggesa pihak-pihak yang terlibat supaya menyambung semula usaha terhadap proses damai serta melaksanakan dan mematuhi pelbagai resolusi yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung isu Palestin dan Konflik Arab - Israel;
- (5) Memutuskan Malaysia bekerjasama dengan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam, Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Liga Arab dan negara-negara sependapat untuk mendukung prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani konflik yang berlaku di Timur Tengah sekarang;
- (6) Menzahirkan sokongan padu rakyat Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat;
- (7) Menyeru rakyat Palestin supaya bersatu-padu dengan tujuan mempertahankan hak mutlak dan menubuhkan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat;
- (8) Merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilayah Palestin di Gaza dengan serta-merta;
- (9) Menggesa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menubuhkan dengan serta-merta satu Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk Palestin untuk menyiasat dan mendakwa penjenayah perang Israel yang disyaki terlibat dengan kekejaman dan keganasan ke atas rakyat Palestin; dan

- (10) Mengambil keputusan untuk menyampaikan resolusi ini kepada semua Dewan Perundangan dan Parlimen yang berkenaan, khasnya Kongres Amerika Syarikat, Parlimen Britain dan Parlimen Kesatuan Eropah.